



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](https://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](https://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47 (51)

Tarikh : 11 November 2017

## SIARAN MEDIA

### **Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS 2017), Hari Habitat Sedunia 2017 dan Majlis Penyampaian Watikah Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Negeri Johor**

Johor Bahru, 11 November 2017 - YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS 2017), Sambutan Hari Habitat Sedunia 2017 (SHHS 2017) dan Majlis Penyampaian Watikah Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Negeri Johor (JPP) pada pagi ini. Majlis turut dihadiri oleh YB Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

2. KPKT melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa (BKS) dan Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) menganjurkan sambutan tahunan dan majlis utama KPKT di Johor Bahru. Majlis ini bagi mendekati warga Johor khususnya Johor Bahru menerusi program yang diatur berkaitan dengan tema sambutan HPBS 2017, SHHS 2017 dan aktiviti JPP seperti sukan rakyat, 39 *booth* pameran pelbagai agensi kerajaan dan swasta, jualan usahawan kendera saji (*food truck*), program berbasikal (*fun cycling*), pertandingan mewarna, *photo journalism*, *Community Talk* dan pelbagai acara komuniti setempat.

3. Tema bagi HPBS 2017 adalah Merancang Bersama Komuniti (*Planning With The Community*) selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) atau *Sustainable Development Goals* bertepatan dengan *SDG Goal 11: Make cities inclusive, safe, resilient and sustainable*. Ini adalah sasaran menjelang tahun 2030 untuk menyediakan akses sejagat kepada ruang awam yang hijau, boleh diakses, inklusif dan selamat, khususnya untuk wanita, kanak-kanak, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU). Ini adalah salah satu inisiatif Agenda Perbandaran Baru (*New Urban Agenda*) melalui aktiviti *placemaking* yang penglibatan masyarakat dalam mewujudkan perbandaran yang inklusif dan sejahtera. HPBS yang telah mula diraikan pada 8 November setiap sejak tahun 1949 adalah untuk menghargai peranan perancangan bandar. Sejak tahun 1988, HPBS telah dijadikan acara tahunan PLANMalaysia.

4. Manakala tema bagi SHHS 2017 atau *World Habitat Day 2017* pula adalah untuk memperingati serta memberi kesedaran kepada kita semua tanpa mengira kaum, jantina serta usia akan kepentingan menjaga kesejahteraan hidup dalam perkembangan pesat pembangunan perbandaran. Sambutan ini merupakan satu acara tahunan yang dilaksanakan oleh negara anggota UN-HABITAT iaitu sebuah badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) yang memberi fokus kepada isu penempatan serta perbandaran.

5. Bagi Majlis Penyampaian Penyampaian Watakah Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Negeri Johor (JPP) pada pagi ini seramai 2,935 orang Anggota JPP Negeri Johor yang telah dilantik bagi penggal kedua sesi 2017-2019. Pelantikan ini telah menjadikan Negeri Johor mencapai 79% keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon. KPKT juga telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas KPKT berjumlah RM30,000 kepada setiap 20 kawasan Parlimen iaitu Segamat, Sekijang, Labis, Ledang, Muar, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sri Gading, Simpang Renggam, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Baharu, Pulai, Pontian dan Tanjong Piai pada 7 Mac 2017 bagi program bersama JPP yang meliputi aktiviti gotong-royong, program pendidikan, program pengurusan sisa pepejal dan program ramah mesra bersama masyarakat. KPKT juga telah membina 15 buah *Centre of Urban Wellbeing* (CUBE) bagi kegunaan JPP negeri Johor di bawah peruntukan sebanyak RM1.65 Juta.

-----  
*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLANMalaysia(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa); Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : pro@kpkt.gov.my*